

CNS5818

U PR 04-02 00166 BA240

Aah

Mahathir - Sabah

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Barisan Nasional (BN) bersetuju pada umumnya dengan cadangan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menubuhkan kerajaan campuran dengan USNO di Sabah tetapi ia +mestilah dalam konteks dasar-dasar BN.+

Ketika mengulas hasrat PBS itu, Perdana Menteri berkata: +Umumnya kita (BN) bersetuju supaya diadakan kerjasama antara USNO dan PBS.

+Tetapi USNO adalah sebahagian daripada BN. Justeru itu sebarang rancangan kerjasama mestilah dalam konteks dasar-dasar BN,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Strategi Pembangunan Bank Dunia di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan dan beberapa pemimpin kanan PBS menemui beliau dua hari lepas di sini bagi menyatakan hasrat mereka untuk menubuhkan kerajaan campuran dengan USNO di Sabah.

Dalam pertemuan itu, katanya, beliau telah menyatakan pendirian BN berhubung dengan perkara itu di samping menyatakan masalah-masalah yang berkaitan dengannya. -- Lagi.

♥04/02/14-56MST

CNS5823

U PR 04-02 00145 BA241

Aah

Mahathir - Sabah 2 Kuala Lumpur

+Mereka (PBS) sebut tentang hasrat untuk menubuhkan kerajaan campuran dan saya beri penerangan tentang pendirian BN mengenai semua bentuk kerjasama,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau telah menerangkan bahawa sebarang kerjasama PBS dan USNO berbeza dengan kedudukan di Sarawak berhubung dengan kerajaan Barisan Tiga dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

+Saya terangkan kedudukan USNO sebagai anggota BN dan perbezaan antara bentuk kerjasama antara PBS dan USNO dengan kerjasama di Sarawak dan lain-lain tempat di Malaysia,+ kata beliau.

•PBDS adalah anggota BN di peringkat Pusat tetapi menjadi pembangkang di peringkat negeri Sarawak.

Beliau berkata hasrat PBS itu perlu dibincang terlebih dahulu. +Ini adalah buah pertama kali satu kerjasama antara parti yang menjadi pembangkang kepada BN dan parti yang menjadi anggota BN,+ kata beliau. -- Lagi.

♥04/02/15-01MST

CNS5829

U PB 04-02 00198 BA242

Aab

Mahathir - Sabah 3 Kuala Lumpur

Menurut laporan akhbar hari ini, Naib Presiden USNO Datu Amirkahar Tun Mustapha berkata parti itu bersedia berbincang dengan PBS mengenai kemungkinan menubuhkan kerajaan campuran di Sabah. Sebelum ini, pada Khamis lepas, Naib Presiden kanan PBS Datuk Lajim Haji Okin berkata dalam satu kenyataan bahawa PBS bersedia berunding dengan USNO.

Ketika ditanya sama ada PBS ada menyatakan hasrat untuk menyertai semula BN, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Mereka tidak berbuat kenyataan demikian.

+Tetapi dalam perbincangan itu telah timbul apakah kerjasama di luar BN ini boleh dibuat atau perlu penyertaan dalam BN.+

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa belum ada sebarang cadangan mengenai PBS akan menyertai semula BN.

Apabila ditanya sama ada PBS ada menyatakan minat untuk menyertai semula BN, beliau berkata: +Mereka tidak menolak kemungkinan atau membuat kenyataan tentang perkara ini. Tetapi tiada cadangan.+

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, satu perkara yang perlu diberi perhatian berhubung dengan perkara itu ialah kedudukan pemimpin dan anggota USNO yang berminat menyertai UMNO.

+Keadaan USNO di Sabah telah bertukar. Cadangan kerjasama dengan USNO itu mungkin bertukar menjadi kerjasama dengan UMNO,+ katanya. -- Bernama.

♥04/02/15-09MST